

Terus pertingkatkan guru cekap

SAUDARA PENGARANG,

TIDAK mudah menarik minat murid untuk belajar bidang berasaskan Sains dan Matematik. Justeru tugas berat seorang guru kini menanti bagi merealisasikan hasrat kerajaan mencapai nisbah 60:40 dalam kedua-dua bidang itu.

Sebagai guru Matematik, pengajaran dan pembelajaran (P&P) perlu menekankan konsep pemahaman, penguasaan dan kemahiran menyelesaikan pelbagai masalah matematik menggunakan strategi-strategi kognitif peringkat tinggi.

P&P efektif pula sering dikaitkan dengan persekitaran kondusif, menggalakkan murid berfikir, menyoal dan menyelesaikan masalah serta memahami konsep dengan cara mudah dan menyeronokkan.

Bagi memastikan guru sentiasa menerima pengetahuan terkini dan menguasai kemahiran tertentu untuk meningkatkan lagi kualiti P&P, pelbagai program

telah diadakan Kementerian Pendidikan antaranya; Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Pelan tersebut antara lain meningkatkan kualiti *Continuing Professional Development* mulai 2013 dengan menumpukan keperluan individu dan latihan berasaskan sekolah.

Pada hari ini, strategi P&P yang berpusatkan murid serta pendekatan inkuiri berasaskan masalah amat digalakkan. Menerusinya, murid akan dilibatkan secara aktif dan guru bertindak sebagai fasilitator yang akan membantu mereka.

Kaedah terbaik adalah pengajaran berstrategi dan kreatif yang menggalakkan pemahaman konsep dan prosedur matematik. Untuk itu, guru perlu berilmu, berinisiatif dan memahami keperluan P&P matematik masa kini.

Kecekapan matematik berikut perlu ada pada seorang guru bagi mencapai matlamat pengajaran yang efektif iaitu pemahaman konseptual,



Kaedah terbaik adalah pengajaran berstrategi dan kreatif yang menggalakkan pemahaman konsep dan prosedur matematik.

kemahiran prosedural, kecekapan strategik, penaakulan adaptif dan disposisi produktif. Pengajaran yang baik akan diperoleh oleh guru seandainya gabungan kelima-lima kecekapan tersebut ada pada guru tersebut.

Hakikatnya, cabaran dihadapi guru memerlukan komitmen dan kesabaran tinggi, justeru kaedah pengajaran sesuai menjadi keperluan guru untuk digunakan dalam kelas matematik. Ini adalah bersesuaian dengan tumpuan pendidikan masa kini iaitu ke arah kemahiran abad ke-21.

**PROF. MADYA DR. EFFANDI
ZAKARIA**

Fakulti Pendidikan, **UKM**